



21 MAR, 2023

Persidangan TNB perhalusi inisiatif peralihan tenaga

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Persidangan TNB perhalusi inisiatif peralihan tenaga

PETALING JAYA - Persidangan Peralihan Tenaga anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 24 dan 25 Ogos ini dijangka dapat memupuk kefahaman masyarakat mengenai kesan peralihan tenaga serta memperhalusi inisiatif yang perlu diambil pihak berkaitan untuk menanganinya, menurut Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Katanya, peralihan tenaga memerlukan penghayatan dan pempunuan kerana sektor tenaga merupakan antara enjin pertumbuhan kritikal ekonomi negara dengan menyumbang secara ketara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Sektor tenaga menjadi pemangkin kemakmuran ekonomi



NIK NAZMI (tengah) menyempurnakan majlis prapelancongan Persidangan Peralihan Tenaga di Kuala Lumpur baru-baru ini.

malah dalam banyak situasi, berperanan sebagai penggerak kepada pembangunan sektor utama

seperti perdagangan, pengangkutan, industri, komersial dan sektor kediaman.

"Lebih utama, ia menyumbang kepada kemampanan tenaga dan usaha menjaga alam sekitar ketika Malaysia bergerak ke arah masa depan yang lebih mampan terutamanya untuk generasi akan datang," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nik Nazmi menambah, dalam proses peralihan dan fokus kepada kelestarian ketika ini, rantaian nilai tenaga amat wajar difahami seluruh pengguna kerana setiap anggota masyarakat berperanan mengurangkan jejak karbon dalam kehidupan seharian.

Persidangan berkenaan yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dianggap sebagai salah satu platform penting untuk Malaysia merangsang penyelesaian dan kerjasama merentasi pelbagai sektor ekonomi

dalam menangani peralihan tenaga.

Ia turut menampilkan pameran solusi peralihan tenaga.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, persidangan itu menjadi platform bagi pemimpin tempatan dan antarabangsa, pakar, penggiat industri, penggubal dasar dan komuniti untuk berkongsi pelbagai kaedah inovatif dari pelbagai industri bagi sama-sama mempercepat peralihan tenaga bertanggungjawab.

Menurutnya, TNB komited untuk memacu agenda peralihan tenaga negara melalui aspirasi pelepasan sifar bersih bagi menyokong Malaysia mencapai sasaran negara neutral karbon menjelang tahun 2050.